

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

SOALAN

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [PADANG TERAP] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji dan melaksanakan konsep '*travel bubble*' atau gelembung pelancongan dengan negara-negara yang berjaya membendung COVID-19 serta berada di dalam 'zon hijau' bagi merangsang semula aktiviti ekonomi berdasarkan pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengiktirafan dunia terhadap kejayaan Malaysia mengawal penularan pandemik COVID-19 boleh memberi isyarat baik bahawa negara kita adalah negara yang selamat dan berada dalam lingkungan zon hijau.
2. Susulan perkara tersebut, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sedang meneliti untuk meneroka ketibaan pelancong asing melalui pelancongan rentas sempadan atau *cross border tourism* seperti mengadakan gelembung perjalanan atau *travel bubble* dengan negara-negara jiran, atau negara-negara dan destinasi-destinasi zon hijau yang telah dikenal pasti hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri.
3. MOTAC komited dalam hal ini dan bekerjasama rapat dengan kementerian dan agensi yang berkenaan dalam meneliti, merangka dan berbincang dengan negara-negara yang dikenal pasti bagi memastikan protokol-protokol keselamatan dan kesihatan yang dipersetujui bersama dapat dilaksanakan dengan sistematik dan teratur. Sekian, terima kasih.